

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan ini yang disediakan
Oleh

AHMAD AIMAN BIN MANSOR

bertajuk

Laporan Kajian Akhir

**Cadangan Merekabentuk Rekaan Dalaman The Actors Studio Di T116, Tingkat Tiga Bahagian Barat, Pusat
Membeli - Belah Bangsar, 285 Jalan Maarof, Bukit Bandar Raya, 59000, Kuala Lumpur, Malaysia.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : Suhaila . 1 . 7/4/09 Pn. Suhaila Binti Sufar
Koordinator Kursus : _____ Pn. Azizah Binti Md Ajis
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd. Rashid

ABSTRAK

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan mereka bentuk wajah baru The Actors Studio di kompleks membeli-belah Bangsar . Ianya datang dari kesan fenomena teater yang sedang melanda di seluruh dunia termasuk Malaysia. Fenomena ini bukanlah seburuk yang disangakakan malah,mempunyai identitinya yang tersendiri dan masih lagi mengekalkan ciri-ciri ketimuran dan pengajaran di dalamnya.

Memandangkan seni teater ini masih tidak berapa dikenali ramai, maka adalah menjadi tanggungjawab The Actors Studio untuk mendekatkan orang ramai kepadanya. Oleh itu imej dan reka bentuk yang baru untuk klien harus dihasilkan bagi menarik perhatian penonton. Selain dari itu, melalui penataan dan susun atur ruang dalam reka bentuk tempat ini dapat membawa pelanggan merasai suasana ruang yang unik yang tidak terdapat di mana-mana pusat persembahan teater yang lain.

The Actors Studio bukan sahaja sebagai tempat persembahan seni teater malah menyediakan tempat untuk pameran lukisan dan tempat menghasilkan pelakon- pelakon seni teater yang berbakat sesuai dengan rekabentuk dalaman yang berunsurkan kesenian. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Foto	vi
Senarai Singkat Kata	vii

KANDUNGAN		MUKA SURAT
BAB	1.0 PENDAHULUAN	
1.1	PENGENALAN	1-2
1.2	MATLAMAT KAJIAN	3-5
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	6-8
1.4	METODOLOGI KAJIAN	9-16
1.5	SKOP KAJIAN	17-20
1.6	HALANGAN KAJIAN	21-22
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	23-24
BAB	2.0 KLIEN	
2.1	LATAR BELAKANG	25
2.2	CARTA ORGANISASI	26-29
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	30
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	31
		32-35
BAB	3.0 KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	ANALISA TAPAK	36-44
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIADA	45-53
3.3	RINGKASAN PENEMUAN	54-56
3.4	RUMUSAN	57

BAB	4.0	KAJIAN KES	58
4.1	KAJIAN KES 1	59-71	
4.2	KAJIAN KES 2	72-85	
4.3	KAJIAN KES 3	86-96	
4.4	KAJIAN KES PRECEDENT	97-110	
4.5	RUMUSAN KAJIAN KES	111-113	
BAB	5.0	PROJEK	114
5.1	KEHENDAK KLIEN	115-116	
5.2	SKOP KERJA	117	
5.3	RUMUSAN	118	
BAB	6.0	CADANGAN REKABENTUK	
6.1	PENGENALAN	119-120	
6.2	KEHENDAK KLIEN	121-124	
6.3	SKOP KERJA	125	
6.4	CADANGAN REKABENTUK	126-139	
6.5	PROSES SKEMA REKABENTUK	140-143	
6.6	KESIMPULAN	144	
Senarai Rujukan		145-146	
Lampiran			



BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan projek akhir ini adalah sebagai syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina Dalaman di Universiti Teknologi Mara .

Kursus ini adalah sebagai latihan pemahaman pelajar tentang reka bentuk, di mana pada tahap ini pelajar diberi tugas untuk menyediakan skema reka bentuk berdasarkan kajian dan pemerhatian berkaitan masalah dan isu yang wujud di dalam sesuatu proses reka bentuk. Tajuk tesis bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman ini adalah cadangan menaik taraf dan memberi reka bentuk baru untuk “The Actors Studio”.

Kepentingan projek yang dinyatakan di atas adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang fenomena teater yang semakin maju dan berkembang. Oleh itu The Actors Studio bertanggungjawab memberi penjelasan kepada orang ramai bahawa jika dilihat dari sudut positif, teater menerapkan unsur-unsur murni serta membawa mesej dan pengajaran yang baik kepada umum. Selain itu, teater juga bertindak sebagai medium penyatuan yang menyaksikan para peminat atau pencinta teater mengenepikan segala perbezaan bangsa serta jarak umur dan bersatu hati menyertai persidangan dan forum teater di mana pendapat dan minat dikongsi bersama-sama.